

22 AUG 1998  
RINGGIT-MINGGUAN/I  
RINGGIT MENJEJAKI YEN MINGGU DEPAN

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Tinjauan bagi ringgit pada minggu depan dijangka bergantung penuh kepada pergerakan yen berbanding dolar Amerika yang menjadi faktor utama dalam mempengaruhi sentimen unit tempatan sejak beberapa minggu sebelum ini.

Bagaimanapun, peniaga-peniaga menjangka pergerakan bagi dolar/ringgit minggu depan kurang mudah ruap berbanding dengan minggu ini.

Ringgit dibuka minggu ini dengan catatan sederhana apabila yen jatuh kepada paras 146 berbanding dolar, daripada paras 145 pada penutupan Jumaat lalu.

Bagaimanapun, ringgit memantul semula pada Rabu apabila yen mengukuh kepada paras 144 ditambah dengan prestasi kukuh di bursa tempatan yang menarik kegiatan belian bagi menampung kekurangan berikutan kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kerajaan mungkin akan membeli saham untuk menyokong bursa berkenaan.

Bagaimanapun, hayat pemulihan ringgit hanya berlaku dalam tempoh sekejap sahaja apabila ia turun semula pada Jumaat disebabkan oleh pelabur-pelabur yang berebut-rebut untuk membeli dolar berikutan berita serangan Amerika Syarikat ke atas beberapa markas kumpulan yang disyaki sebagai penganas di Afghanistan dan Sudan.

Ringgit ditutup rendah pada paras 4.2020/2120 berbanding dolar Amerika daripada 4.1800/1900 pada Jumaat minggu lalu.

Unit tempatan itu bagaimanapun lebih baik berbanding dengan dolar Singapura pada 2.3894/3978 daripada 2.3920/4005, tetapi rendah berbanding yen Jepun pada 2.9352/9442 daripada 2.8851/8940, berbanding deutschemark, ia turun kepada 2.3383/3446 daripada 2.3373/3442 dan jatuh berbanding pound sterling kepada 6.8825/9022 daripada 6.7862/8054 sebelumnya.

Di pasaran wang, Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR) turun kepada 9.94 peratus daripada 10.00 peratus pada Jumaat sebelumnya manakala wang tiga bulan rendah sedikit sebanyak 0.1 mata asas kepada 10.00 peratus.

Sementara itu, Bank Negara campurtangan daalam pasaran wang dengan memberi pinjaman wang dua minggu bernilai RM200 juta pada kadar purata 9.8 peratus pada Khamis.

Peniaga-peniaga berkata kebanyakan aktiviti bertumpu kepada dana jangka pendek.

-- BERNAMA  
MK ZK